

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini bertujuan untuk memberikan anda maklumat yang penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

**PACIFIC
INSURANCE**

A member of the Fairfax Group

Maklumat yang terkandung di dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 1 Mac 2026.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah Insurans Kemalangan Diri Pelajar Luar Negara?

Insurans Kemalangan Diri Pelajar Luar Negara memberikan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh kemalangan.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan bayaran sebanyak RM595.00 setahun (tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem) bagi setiap Orang Yang Diinsuranskan, anda akan mendapat perlindungan berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini mengecualikan:
- Kematian akibat kemalangan – RM100,000 - Hilang upaya kekal – sehingga RM100,000 - Indemniti berganda – RM100,000 - Bonus pembaharuan – 10% setahun, sehingga 50% - Pemindahan perubatan kecemasan & penghantaran pulang – sehingga RM500,000 - Pembatalan sebelum berlepas – sehingga RM10,000 - Perbelanjaan perubatan – sehingga RM10,000 untuk kecederaan dan RM10,000 untuk penyakit - Liabiliti peribadi – sehingga RM100,000 - Bagasi & barang-barang peribadi – sehingga RM5,000 (had setiap item – RM500) - Wang peribadi – sehingga RM150 - Perlindungan kehilangan tajaan pendidikan/elaun pendidikan – RM50,000 - Gangguan pengajian – sehingga RM10,000 - Penginapan sementara – RM400 sehari, sehingga RM2,500 - Penangguhan perjalanan dan pembatalan separa perjalanan (setiap 6 jam berturut-turut) – RM150, sehingga RM750	- Risiko peperangan - Risiko nuklear - HIV/AIDS - Kehamilan, kelahiran anak, atau sebarang kecacatan fizikal atau mental - Sebarang bentuk penyakit berjangkit atau wabak pandemik - Kecederaan sendiri yang disengajakan atau membunuh diri - Kesan dadah - Operasi polis atau tentera - Aktiviti udara selain sebagai penumpang dalam pesawat yang berlesen - Sukan professional atau semi-professional - Sukan bermotor - Pekerjaan tertentu yang melibatkan aktiviti berisiko tinggi - Melakukan aktiviti jenayah, menyalahi undang-undang atau berniat jahat <i>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.</i>

Dengan membayar premium tambahan, anda boleh memperluaskan perlindungan untuk merangkumi:

- COVID-19 atau Demam Denggi: Pendapatan Harian Hospital

Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2633 8999



Lawati laman sesawang kami di:
The Pacific Insurance Berhad



E-mel kami di:
customerservice@pacificinsurance.com.my

3. Ketahui Kewajipan Anda

Bagi Insurans Kemalangan Diri Pelajar Luar Negara ini, anda dikehendaki membayar premium sebanyak:

Perlindungan Standard	RM595.00 setahun
Perlindungan Tambahan	COVID-19 atau Demam Denggi: Pendapatan Harian Hospital (RM40.00 untuk Pelan A)
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM635.00 setiap Orang Yang Diinsuranskan.	

Anda juga dikehendaki membayar kos dan caj berikut:

Duti Setem	RM10.00 (layak mendapat pengecualian sehingga 31 Disember 2028, dengan syarat premium kasar tahunan tidak melebihi RM150)
Komisen	25% daripada premium atau RM158.75 (termasuk dalam jumlah premium)
Cukai Perkhidmatan	Tidak dikenakan

4. Terma-terma penting yang lain

- Anda perlu memberikan maklumat yang lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
- Anda perlu mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi anda.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada The Pacific Insurance Berhad tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan atau butiran peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Orang Yang Diinsuranskan mesti membayar premium pertama sebelum perlindungan di bawah Polisi ini berkuat kuasa.
- Kelayakan – Pada tarikh kuat kuasa polisi ini, Orang Yang Diinsuranskan mestilah berumur di antara 16 hingga 55 tahun.
- Jumlah diinsuranskan dan/atau had untuk semua manfaat di atas adalah terpakai untuk tempoh insurans.
- Anda atau Orang Yang Diinsuranskan mesti memaklumkan The Pacific Insurance Berhad dalam tempoh 30 hari selepas berlakunya kemalangan dan menyerahkan borang tuntutan yang lengkap serta dokumen yang berkenaan kepada The Pacific Insurance Berhad.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Orang Yang Diinsuranskan boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memaklumkan kami secara bertulis dan kami akan membayar balik sebarang premium bagi tempoh insurans yang belum tamat dikira mengikut kadar tempoh pendek kami.

Kami boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberikan Orang Yang Diinsuranskan notis bertulis 7 hari melalui surat berdaftar ke alamat terakhir Orang Yang Diinsuranskan yang diketahui oleh kami. Setelah pembatalan polisi, kami akan membayar balik kepada Orang Yang Diinsuranskan bahagian berkadar premium yang bersamaan dengan tempoh insurans yang belum tamat yang dikira mengikut kadar tempoh pendek kami.

Jika anda mempunyai sebarang aduan, sila hubungi kami di:

Unit Pengawasan Aduan

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)
Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklum balas kami, anda boleh menghubungi pihak berikut:

- Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia**
Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Borang Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK
- Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**
Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur
Tel: +603-2272 2811 Laman Sesawang: www.fmos.org.my

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini bertujuan untuk memberikan anda maklumat yang penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

**PACIFIC
INSURANCE**

A member of the Fairfax Group

Maklumat yang terkandung di dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 1 Mac 2026.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah Manfaat Pilihan COVID-19 atau Demam Denggi: Pendapatan Harian Hospital?

Manfaat Pilihan COVID-19 atau Demam Denggi: Pendapatan Harian Hospital membayar Orang Yang Diinsuranskan pendapatan harian hospital seperti yang dinyatakan dalam jadual polisi untuk tempoh kemasukan ke hospital sehingga maksimum 30 hari bagi setiap tempoh insurans.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan bayaran sebanyak RM40.00 setahun (tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem) bagi setiap Orang Yang Diinsuranskan, anda akan mendapat perlindungan berikut:

Manfaat Pilihan ini melindungi:	Manfaat Pilihan ini mengecualikan:
COVID-19 atau Demam Denggi: Pendapatan Harian Hospital – RM100 sehari, sehingga 30 hari	- Dimasukan ke hospital kurang daripada 12 jam - Sebarang penyakit atau keadaan perubatan selain daripada COVID-19 atau Demam Denggi - Didiagnosis atau disyaki secara munasabah telah dijangkiti COVID-19 dan/atau Demam Denggi, atau sedang menjalani Cuti Rehat, Notis Duduk Di Rumah atau Perintah Kuarantin, pada atau sebelum permulaan tempoh insurans, yang mana lebih awal - Melancong ke luar negara walaupun terdapat nasihat perjalanan, amaran perjalanan atau peringatan perjalanan kecuali perjalanan tersebut mendapat kelulusan daripada kami - Sebarang keadaan perubatan yang sedia ada <i>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian.</i>

Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2633 8999



Lawati laman sesawang kami di:
The Pacific Insurance Berhad



E-mel kami di:
customerservice@pacificinsurance.com.my

3. Ketahui Kewajipan Anda

Bagi Manfaat Pilihan COVID-19 atau Demam Denggi: Pendapatan Harian Hospital ini, anda dikehendaki membayar premium sebanyak:

Perlindungan Manfaat Pilihan	RM40.00 setahun jika anda memilih Pelan A
Jumlah premium Manfaat Pilihan yang anda perlu bayar ialah	RM40.00 setiap Orang Yang Diinsuranskan.

Anda juga dikehendaki membayar kos dan caj berikut:

Duti Setem	Tidak dikenakan
Komisen	25% daripada premium atau RM10.00 (termasuk dalam jumlah premium Manfaat Pilihan)
Cukai Perkhidmatan	Tidak dikenakan

4. Terma-terma penting yang lain

- Anda perlu memberikan maklumat yang lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
- Anda perlu mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi anda.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada The Pacific Insurance Berhad tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan atau butiran peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Orang Yang Diinsuranskan mesti membayar premium pertama sebelum perlindungan di bawah polisi ini berkuat kuasa.
- Kelayakan – Pada tarikh kuat kuasa polisi ini, Orang Yang Diinsuranskan mestilah berumur di antara 16 hingga 55 tahun.
- Sebarang tuntutan bagi Pendapatan Hospital Harian di bawah Manfaat Pilihan ini akan tertakluk kepada tempoh menunggu selama 14 hari dari tarikh kuat kuasa Manfaat Pilihan ini.
- Manfaat ini hanya dibayar jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital serta-merta selepas disahkan menghidap penyakit COVID-19 atau Demam Denggi.
- Anda atau Orang Yang Diinsuranskan mesti memaklumkan The Pacific Insurance Berhad dalam tempoh 30 hari selepas berlakunya kemalangan dan menyerahkan borang tuntutan yang lengkap serta dokumen yang berkenaan kepada The Pacific Insurance Berhad.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan Manfaat Pilihan saya?

Pembatalan Manfaat Pilihan COVID-19 atau Demam Denggi: Pendapatan Harian Hospital semasa tempoh insurans adalah tidak dibenarkan. Manfaat Pilihan hanya boleh dibatalkan sama ada pada waktu pembaharuan atau apabila keseluruhan polisi Insurans Kemalangan Diri Pelajar Luar Negara dibatalkan.

Jika anda mempunyai sebarang aduan, sila hubungi kami di:

Unit Pengawasan Aduan

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)

Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklum balas kami, anda boleh menghubungi pihak berikut:

(a) **Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia**

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Borang Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK

(b) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Tel: +603-2272 2811 Laman Sesawang: www.fmos.org.my

Lampiran

Jadual Manfaat dan Premium

Manfaat Asas

SEK.	MANFAAT	PELAN DAN JUMLAH DIINSURANSKAN (RM)			
		Pelan 1	Pelan 2	Jangka Pendek	
1	Kematian atau Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan	100,000	200,000	200,000	
1.1	Indemniti Berganda	100,000	200,000	200,000	
1.2	Bonus Pembaharuan	10% setahun, sehingga 50%	10% setahun, sehingga 50%	Tidak Berkenaan	
2	Pemindahan Perubatan Kecemasan & Penghantaran Pulang	500,000	750,000	300,000	
3	Pembatalan Sebelum Berlepas	10,000	20,000	10,000	
4	Perbelanjaan Perubatan untuk: i. Kecederaan ii. Penyakit	10,000 10,000	20,000 20,000	10,000 untuk Kecederaan dan Penyakit	
5	Liabiliti Peribadi	100,000	200,000	200,000	
6	Bagasi & Barang-Barang Peribadi	5,000	7,500	2,000	
	Had bagi setiap barang	500	1,000	1,000	
	Kehilangan Dokumen Perjalanan (sub-had)	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan	1,000	
7	Wang Peribadi	150	150	150	
8	Perlindungan Kehilangan Penaja / Elaun Pendidikan	50,000	100,000	50,000	
9	Gangguan Pengajian	10,000	20,000	20,000	
10	Penginapan Sementara (sehari)	400	400	400	
	Had maksimum	2,500	5,000	4,000	
11	Kelewatan Perjalanan dan Pembatalan Sebahagian Perjalanan (setiap 6 jam berturut-turut)	150	150	150	
	Had maksimum	750	750	750	
Premium setiap Orang Yang Diinsuranskan (RM)		Tahunan		Tempoh (bulan)	Jangka Pendek
		595	886	4	300
				5	360
				6	440

Manfaat Pilihan

MANFAAT	PELAN DAN JUMLAH DIINSURANSKAN (RM)		
	Pelan A	Pelan B	Pelan C
COVID-19 atau Demam Denggi: Pendapatan Harian Hospital	100 sehari, sehingga 30 hari	200 sehari, sehingga 30 hari	300 sehari, sehingga 30 hari
Premium setiap Orang Yang Diinsuranskan (RM)	40	65	80

Nota: Premium tidak termasuk Duti Setem yang berkenaan.